

**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN ASAL-USUL MELAYU INDUKNYA DI  
ALAM MELAYU  
20/01/2012**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman,  
Yang Di-Pertua Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah izin dan kurniaNya kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Konvensyen Asal Usul Melayu pada hari yang mulia dan penuh keberkatan ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia kerana telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan konvensyen yang membincangkan susur galur asal usul bangsa Melayu berdasarkan kajian-kajian saintifik yang dilakukan oleh pakar-pakar dari dalam dan luar negara. Konvensyen ini pastinya akan memperkayakan khazanah keilmuan tentang bangsa Melayu terutamanya dari segi sejarah, kebudayaan dan identiti bangsa yang amat wajar sekali diwariskan kepada generasi hari ini dan akan datang.

2. Saya difahamkan beberapa penemuan tentang asal usul bangsa Melayu yang diperolehi melalui kajian-kajian arkeologi dan genom manusia akan dibentangkan dalam konvensyen ini. Mudah-mudahan penemuan ini akan meningkatkan pengetahuan kita tentang asal-usul bangsa Melayu dan hubungannya dengan ras-ras lain yang telah sekian lama mendiami rumpun Melayu.

3. Sesungguhnya, manusia dijadikan berbilang bangsa dan keturunan sebagai sebahagian daripada fitrah kejadian yang menunjukkan keagungan Tuhan Yang Maha Pencipta. Fitrah kejadian manusia ini mempunyai tujuan dan hikmahnya yang tersendiri. Sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Hujrat, Ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Yang bermaksud: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).

4. Jelas terpancar daripada ayat ini bahawa manusia dijadikan berbilang bangsa dan keturunan supaya kita saling kenal mengenali dan menjalinkan hubungan yang mesra dan harmoni antara satu sama lain. Dengan adanya kesediaan untuk saling mengenali dan menjalinkan hubungan yang harmoni, maka tentunya kepelbagaian budaya, bahasa dan tradisi yang dimiliki oleh setiap bangsa dan keturunan tidak akan menjadi faktor penghalang kepada perpaduan, kemakmuran dan kesejahteraan dalam sebuah masyarakat majmuk. Malah kepelbagaian yang ada dapat dimanfaatkan sebagai sumber kekuatan bersama.

5. Lebih-lebih lagi dalam sebuah negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, menerima kepelbagaian adalah paksi utama keharmonian, keamanan dan kestabilan negara kita. Kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang bersatu padu hanya dapat direalisasikan apabila semua kaum di negara kita bersedia untuk memupuk persefahaman antara satu sama lain, menjalin hubungan yang harmonis dan menerima perbezaan sebagai sumber kekuatan kita bersama.

6. Sebagai umat Islam yang berpegang teguh dengan ajaran agama, bangsa Melayu seharusnya menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat kita sebagai sebahagian daripada tuntutan agama. Apatah lagi bangsa Melayu yang merupakan bangsa teras di Malaysia sememangnya telah wujud dalam rumpun Melayu yang sejak dari awal lagi rancam dan majmuk dari segi etnik, budaya, bahasa dan tradisi. Dalam rumpun Melayu ini terdapat orang Jawa, Bugis, Banjar, Minangkabau, Aceh dan lain-lain yang diterima sebagai sebahagian daripada bangsa Melayu. Malah, Allahyarham Usman Awang dalam sajaknya “Melayu” menyebut:

Jakun dan Sakai asli Melayu,  
Arab dan Pakistani, semua Melayu  
Mamak dan Malbari serap ke Melayu  
Malah muaalaf bertakrif Melayu

7. Nukilan sajak ini membayangkan betapa bangsa Melayu itu bersifat inklusif dan akomodatif. Malah, Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas, dalam syarahannya bertajuk “Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu”, menegaskan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa perubahan yang besar kepada jiwa dan akal Melayu. Bangsa Melayu bukan sahaja bangsa yang inklusif dan akomodatif, tetapi juga rasional dan berilmu. Menurut Professor Naquib, salah satu kejadian baru yang terpenting mengenai sejarah kebudayaan Islam di Alam Melayu adalah penyebaran bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan epik dan roman, tetapi lebih penting dalam pembicaraan hal-hal yang berkaitan dengan falsafah Islam.

8. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar falsafah Islam bukan sahaja telah membawa pemodenan terhadap bahasa Melayu tetapi merevolusi pemikiran bangsa Melayu. Kesan pembicaraan falsafah dalam karya-karya agung di Alam Melayu telah meniupkan pengaruh pemikiran rasional dan saintifik dalam kalangan bangsa Melayu. Secara tidak langsung, pemikiran rasional dan saintifik telah menggantikan kepercayaan kepada unsur-unsur tahyul dan khurafat yang selama ini meminggirkan bangsa Melayu daripada arus kemajuan dan pemodenan.

9. Jika direnungkan, pengaruh pemikiran rasional adalah antara anugerah terbesar yang dikurniakan oleh agama Islam untuk bangsa Melayu. Jika dilihat di dalam al-Qur’an, terdapat banyak ayat-ayat yang mengajak umat manusia untuk berfikir secara rasional dan mendalami ilmu untuk mencari kebenaran. Malah, agama Islam itu sendiri hanya boleh difahami, dianuti dan diimani oleh manusia yang mempunyai kekuatan akal yang rasional.

10. Saya menakankan soal pengaruh pemikiran rasional yang disumbangkan oleh Islam kepada bangsa Melayu kerana pemikiran rasional itulah yang menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang maju, moden dan akomodatif. Melalui pendekatan yang rasional, para pemimpin kita yang terdahulu telah berjaya mendapatkan kemerdekaan untuk negara kita dan

mewujudkan kerjasama politik pelbagai kaum untuk mentadbir negara ini secara bersama. Melalui pendekatan yang rasional jugalah, kita telah berjaya mengharungi beberapa episod hitam dalam sejarah hubungan kaum di negara kita dan kemudiannya bersama-sama bangkit untuk membina kekuatan sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu padu.

11. Lebih penting lagi, pemikiran yang rasional telah membolehkan bangsa Melayu dan kaum-kaum lain di negara kita menerima perbezaan sebagai sebahagian daripada fitrah kehidupan dalam sebuah masyarakat majmuk yang rencam budaya, agama dan tradisi. Kita tidak menjadikan perbezaan dan kepelbagaian sebagai penghalang kepada tekad dan iltizam kita untuk hidup secara bersama dalam suasana yang aman dan harmoni. Sebaliknya, dengan semangat perpaduan dan penerimaan antara kaum, kita jadikan kepelbagaian Malaysia sebagai aset utama untuk membina sebuah negara bangsa yang padu.

12. Saya berharap agar Konvensyen Asal-Usul Melayu Induknya di Alam Melayu yang diadakan pada hari ini dapat mengupas unsur-unsur positif dalam sejarah ketamadunan dan kebudayaan Melayu yang dapat menyumbang kepada kemajuan bangsa Melayu dan kerukunan hidup masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara kita dan di Alam Melayu seluruhnya. Dengan mengenengahkan unsur-unsur positif ini kita pastinya akan dapat menyuntik semangat baru kepada bangsa Melayu untuk terus mara melangkah ke hadapan dengan semangat yang kental dan jitu demi mencipta kegemilangan masa kini dan masa hadapan. Lebih penting lagi, saya berharap agar konvensyen yang diadakan pada hari ini dapat menyemarakkan semangat kita'arafu, iaitu semangat untuk menggali dan mengenali khazanah sejarah dan tradisi sesuatu bangsa, selaras dengan firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Hujrat Ayat 13 yang saya baca di awal ucapan saya tadi. Mudah-mudahan usaha yang baik ini akan dirahmati dan diberkati oleh Allah s.w.t.

13. Sebagai penutup bicara, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia sebagai penganjur konvensyen yang telah berjaya menghimpunkan pakar-pakar dalam bidang kajian asal-usul Melayu untuk membentangkan hasil kajian mereka dalam konvensyen ini. Mudah-mudahan perbincangan dalam konvensyen ini akan mendatangkan manfaat yang besar kepada kita semua. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Asal-Usul Melayu Induknya di Alam Melayu.

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.